



'Jangan pinggir kami lagi'

Sepang: Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM) berkeras untuk terus memujuk Majlis Sukan Negara (MSN) memberi pertimbangan supaya sukan itu dimasukkan semula ke dalam sukan teras selepas meraih keputusan memberangsangkan pada Sukan Komanwel Gold Coast 2018.

Ia kali kedua dalam tempoh seminggu badan induk itu mengulangi hasrat mereka selepas usaha pertama menemui jalan buntu.

MSN menjadikan alasan kurangnya usaha memerangi kegiatan penyalahgunaan bahan terlarang dalam kalangan mereka sebagai punca ia digugurkan sebelum ini.

Bagi pengurus skuad angkat berat negara, Amirul Hamizan Ibrahim, beliau percaya sukan itu sudahpun

memenuhi segala ramuan untuk disenaraikan semula menerusi kejayaan Azroy Hazal Wafie Izhar Ahmad dan Muhamad Aznil Bidin meraih pingat emas.

"Kalau diikuti memang wajib dimasukkan (ke dalam sukan teras) kerana kami memiliki pembangunan menyeluruh di peringkat akar umbi.

"Setiap atlet mengharapkan sukan ini kembali dimasukkan semula kerana mereka melakukan semuanya untuk negara dan saya melihat sukan ini akan mati jika dikeluarkan," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2), di sini, awal pagi semalam.

Angkat berat menjadi satu-satunya sukan yang berjaya melepasi sasaran satu pingat emas yang ditetapkan selepas berjaya meraih dua pingat emas menerusi Azroy yang mencipta sejarah meraih emas pertama dalam kategori 56kg dengan jumlah angkatan 261 kg.

Aznil menambah emas kedua dalam kategori 62kg selepas membuat angkatan keseluruhan 288kg.



"Mereka melakukan semuanya untuk negara dan saya melihat sukan ini akan mati jika dikeluarkan"

Amirul Hamizan Ibrahim

Sebelum ini, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaludin Abu Bakar dan Lembaga Pengurusan MSN memutuskan untuk menggugurkan angkat berat daripada program sukan teras berikutan timbul isu penyalahgunaan bahan terlarang.

Sepak takraw dan taekwondo yang menunjukkan penurunan prestasi turut senasib dengan angkat berat.

Baiki mental 'koyak'

Gold Coast: Kelemahan mental adalah musuh terbesar Johnathan Wong (gambar), tetapi penembak negara itu berikrar untuk memperbaiki kelemahan itu menjelang Sukan Asia dan Kejujahan Dunia.

Penembak berasal dari Melaka itu mengakhiri kempen Sukan Komanwel Gold Coast 2018 dengan menamatkan saingan di tempat ketujuh acara 50 meter pistol di Pusat Menembak Belmont, semalam.

Johnathan yang menduduki tempat kelima dengan 545 mata pada pusingan keayakan, membuat kejutan di final dengan menduduki tempat kedua selepas lima tembakan awal peringkat pertama.

Bagaimanapun, dia kemudiannya tidak dapat mengekalkan prestasinya sebelum tersingkir dengan keseluruhan 181.40 mata.

"Keadaan berangin dan saya tidak berdaya untuk mengangkat tangan apabila mahu membuat tembakan. Otot saya semakin lemah,"

kata Johnathan yang menamatkan saingan di tempat kelapan acara 10m air pistol, kelmarin.

"Bagaimanapun saya amat gembira dengan persembahan saya... ia lebih bagus berbanding 10m air pistol.

"Perkara utama, saya perlu menerima kekalahan ini dan melonjak kembali," katanya

